


REKA EDUKIT

KIT PEMBELAJARAN INOVASI ALAF BARU



- Reka dan bangunan pelbagai inovasi berteknologi.
- Papan mikropengawal mudah dinaik taraf.
- Menggunakan perisian sumber terbuka ("open-source")
- Pengkodan grafik yang mudah dan seronok.




ISI KANDUNGAN

ANATOMI REKA EDUKIT	1
PEMASANGAN PERISIAN MBLOK V5.....	4
CARA MENAMBAH REKAEDUKIT	6
PENGENALAN KEPADA SISTEM ROBOTIK.....	7
1: BUTANG TEKAN KAWALAN KOMUNIKASI.....	8
2: LAMPU HARI RAYA.....	11
3: LAMPU ISYARAT LALU LINTAS	13
4: SISTEM PENGGERA.....	18
5: PESTA LAMPU.....	21
6: SISTEM PEJALAN KAKI	26
7: ALAT MUZIK ALAF BARU	31
8: SISTEM LED PELBAGAI WARNA.....	37
9: SISTEM SEKURITI.....	40
10: SISTEM BILIK DARJAH.....	48
11: SISTEM PENGHALAU BURUNG.....	64
12: SISTEM KESELAMATAN KERETA.....	78
13: PEMANTAU PENDERIA TANPA WAYAR.....	90
14: PENGAWAL LAMPU.....	102
15: KELAS FIZIK.....	130
16: KIPAS CEKAP TENAGA.....	136
17: PEMANTAU POKOK HIASAN	139
18: PENGECAMAN BAHAN KITAR SEMULA AUTOMATIK.....	149


ANATOMI REKA EDUKIT

Peranti di atas papan litar.




ANATOMI REKA EDUKIT

Peranti persisian Reka Edukit.



Peranti antara muka



Pot Input dan Output (I/O)

Port I/O membenarkan sambungan kepada perkakasan. Perkakasan ini mungkin dalam atau luaran. Port disambungkan dengan litar tembaga dan jalur memori yang membenarkan komunikasi data antara CPU, RAM dan port itu sendiri.



SPI

SPI (Serial Peripheral Interface) ialah bas¹ antara muka yang biasa digunakan untuk menghantar data antara mikropengawal dan peranti kecil seperti daftar peralihan, penderia dan kad SD.



I²C

I²C ialah singkatan untuk "Inter-Integrated Circuit". Ia adalah protokol sambungan antara muka bas¹ yang digunakan dalam peranti komunikasi bersiri.



Motor DC

Motor arus terus (DC) ialah sejenis motor elektrik yang berputar menukar tenaga elektrik arus terus (DC) kepada tenaga mekanikal.



Motor Servo

Motor servo ialah penggerak berputar atau penggerak lurus yang boleh mengawal kedudukan sudut atau lurus, halaju dan pecutan dengan tepat.

ANATOMI REKA EDUKIT

Butiran nombor pin peranti dan peranti antara muka di Arduino Uno

POT PERANTI	PIN ARDUINO UNO	PERANTI
BUTTON1	A0	Butang Tekan 1
BUTTON2	A1	Butang Tekan 2
SOUND IN	A2	Penderia Bunyi
POT RES	A3	Meter Upaya
IR SENSOR	A4	Penderia Infrared
BUZZ AUDIO	D3	Pembaz
DIGITAL_LEDX3 (RED)	D11	LED Satu Warna (Merah)
DIGITAL_LEDX3 (YELLOW)	D12	LED Satu Warna (Kuning)
DIGITAL_LEDX3 (GREEN)	D13	LED Satu Warna (Hijau)
NEOPIXEL_LED	D2	LED Pelbagai Warna (Neopixel)
SERVO1	D8	Motor Servo 1
SERVO2	D9	Motor Servo 2
SERVO3	D10	Motor Servo 3
MOTOR1 DIRECTION	D7	Motor DC 1 (Arah Pusingan)
MOTOR1 PWM (SPEED)	D6	Motor DC 1 (PWM / Kelajuan Motor)
MOTOR2 DIRECTION	D4	Motor DC 2 (Arah Pusingan)
MOTOR2 PWM (SPEED)	D5	Motor DC 2 (PWM / Kelajuan Motor)
I2C – SCL	A5	I2C – SCL
I2C – SDA	A4	I2C – SDA
SPI – MISO	D12	SPI – MISO
SPI – MOSI	D11	SPI – MOSI
SPI – SCK	D13	SPI – SCK
SPI – CS	D10	SPI – CS
LED1	D13	Led 1
LED2	D0	Led 2
BLUETOOTH TX*	D11	Bluetooth Tx
BLUETOOTH RX*	D12	Bluetooth Rx


PEMASANGAN PERISIAN MBLOK V5

Langkah 1 Perisian mBlok v5 boleh didapatkan daripada

Link: <https://www.mblock.cc/en/download/> @




Langkah 2 Muat turun versi terkini mBlok v5 berdasarkan system pengendalian komputer.



Langkah 3 Klik mBlok v5 pada lokasi muat turun anda.




Langkah 4 Tunggu sehingga pemasangan mBlok v5 selesai.




Langkah 5

Klik "INSTALL"




Langkah 6

Klik OK dan keluar



Langkah 7

Tandakan "Run mBlok". Klik "Finish".



CARA MENAMBAH REKAEDUKIT




Langkah 1 Buka mBlok v5





Langkah 2 tekan button add

Langkah 3 Pilih peranti RekaEduKit dan tekan ok.



Langkah 4 Sekarang anda boleh menikmati menggunakan mBlok v5!



PENGENALAN KEPADA SISTEM ROBOTIK

Definisi Sistem Robotik

- ✓ Sistem robotik adalah hasil gabungan **bidang Kejuruteraan** dan **Sains Komputer**. Ia merupakan satu bidang sains yang berkaitan dengan **penghasilan reka bentuk, pembuatan dan pemasangan** serta **operasi** yang berkaitan dengan robot.
- ✓ Penggunaan robot dapat dilihat dalam industri **automotif, pertanian, makanan, elektrik** dan lain-lain.



Penderia (Sensor)

Pergerakan (Output)




Elemen Robotik



Kuasa & Wayar



Kawalan & Pengaturcaraan



1: BUTANG TEKAN KAWALAN KOMUNIKASI


Di dalam projek ini kita akan memaparkan perkataan pada monitor bersiri.

PENGENALAN BUTANG TEKAN

Butang tekan (push button) ialah peranti mekanikal yang digunakan untuk mengawal litar elektrik. Digunakan untuk menggerakkan mekanisma pensuisan dalaman.

PERANTI YANG DIGUNAKAN :

1. Papan litar RekaEdukit
2. Butang tekan 



TUTORIAL

1. Seretkan blok **When Arduino Uno starts** berserta blok **Serial port begin**.

When Arduino Uno starts

Serial port begin 9600 ▼

Tetapkan nilai baud kepada 9600.

2. Seretkan blok **After Arduino Uno starts** berserta blok **if, then**

When Arduino Uno starts



Serial port begin 9600 ▼

After Arduino Uno starts

if then

Blok ini terlaksana jika pernyataan yang telah ditetapkan adalah benar (true).


3. Seterusnya, tambah blok **Button pressed** ke dalam ruang heksagon di dalam blok **if, then**.



4. Tambah blok **Serial port print in line Reka** di dalam blok **if, then** diikuti dengan blok **delay**.




- Untuk melihat paparan pengeluaran, putus sambungan papan RekaEduKit daripada MBlok.



Tekan ikon berikut.

- Buka perisian **Arduino IDE**. Kemudian tekan ikon kanta pembesar di sebelah kanan. Ia akan membuka monitor bersiri serta memaparkan perkataan.



Tetapkan nilai baud kepada 9600 baud.

2: LAMPU HARI RAYA


Di dalam projek ini kita akan menyalakan lampu LED satu warna (GYR LED) mengikut urutan yang telah ditetapkan.

PENGENALAN GYR LED

LED satu warna (GYR LED) merupakan modul paparan lampu isyarat mini yang mempunyai kecerahan yang tinggi, bersaiz kecil dan pendawaian mudah. Ia boleh disambung ke PWM untuk mengawal kecerahan LED.

PERANTI YANG DIGUNAKAN :

1. Papan litar RekaEdukit
2. LED satu warna (GYR LED)




TUTORIAL

1. Seretkan blok **After Arduino Uno starts**.


After Arduino Uno starts

2. Masukkan blok **LED** diikuti dengan blok **delay**.




Tetapkan warna LED kepada **RED** dan **ON**.

3. Ulang Langkah 2 untuk setiap warna LED.



4. Kemudian, tambah 3 blok LED secara berturutan dan diakhiri oleh blok delay.



3: LAMPU ISYARAT LALU LINTAS

Projek ini bertujuan untuk mempraktikkan penggunaan lampu isyarat lalu lintas. Kita boleh mengawal warna LED satu warna (GYR LED) dalam satu-satu masa. Jika penderia infrared mengesan sesuatu LED berwarna hijau akan menyala. Untuk menukar kepada warna kuning, kita perlu menekan butang tekan 2. Akhir sekali, untuk menukar LED warna merah, kita perlu menekan butang tekan 1.

PERANTI YANG DIGUNAKAN :

1. Papan litar RekaEdukit

2. Butang tekan 


3. LED satu warna (GYR LED) 

4. Penderia infrared 



TUTORIAL


1. Seretkan **After Arduino Uno starts** berserta blok **if, then** dan blok **if, then, else**.




Blok ini terlaksana jika pernyataan yang telah ditetapkan adalah benar (true).

Blok ini terlaksana jika pernyataan yang telah ditetapkan di atas adalah tidak benar (false).


2. Masukkan blok **Infrared Sensor detected object** ke dalam ruang heksagon di dalam blok **if. then**.




3. Kemudian, masukkan blok **LED** untuk setiap warna **Hijau**, **Kuning** dan **Merah**.



4. Seret dan masukkan blok **button 1 pressed** ke dalam ruang heksagon di dalam blok **if. then. else**.
- 5.



6. Seret dan masukkan blok **if. then** ke dalam blok **else**.



Blok ini terlaksana jika pernyataan yang telah ditetapkan di atas adalah tidak benar (false) dan jika pernyataan yang telah ditetapkan di sini adalah benar (true).

7. Masukkan blok **button 2 pressed** ke dalam ruang heksagon di dalam blok **if. then**.



8. Tambahkan blok LED untuk setiap warna Hijau, Kuning dan Merah.



4: SISTEM PENGGERA

Di dalam projek ini kita akan membina sebuah sistem penggera. Penggera akan berbunyi jika penderia infrared (IR sensor) mengesan sesuatu objek di hadapan. Seterusnya, untuk menghentikan bunyi penggera, kita perlu menekan butang 1.

PENGENALAN PENDERIA INFRARED

Penderia infrared (IR Sensor) digunakan untuk mengesan objek di hadapan.

Jarak objek yang dikesan boleh dilaras.


PERANTI YANG DIGUNAKAN :

1. Papan litar RekaEdukit

2. Butang tekan 


3. Penderia infrared 

4. Pembaz 




TUTORIAL


1. Seretkan **After Arduino Uno starts** berserta blok **forever** dan blok **if. then**.




- Seterusnya, masukkan blok **Infrared sensor detect object** ke dalam ruang heksagon di dalam blok **if. then**.




- Kemudian, tambah **buzzer tone** berserta blok **wait until** di dalam blok **if. then**.



- Seretkan blok **button pressed** ke dalam ruang heksagon di dalam blok **wait until**.



5. Tambahkan blok **Buzzer Off** di bawah blok **wait until**.



STEM in me™

5: PESTA LAMPU

Di dalam projek ini pula, kita akan menggunakan meter upaya (potentiometer) untuk menyalakan LED pelbagai warna (neopixel LED).

PENGENALAN METER UPAYA

Meter upaya (potentiometer) bertindak sebagai pembahagi voltan boleh laras. Potentiometer diubah secara manual untuk mengawal aliran arus elektrik.

PENGENALAN LED PELBAGAI WARNA (NEOPIXEL LED)

Setiap LED pelbagai warna (Neopixel LED) dikawal oleh litar bersepadu yang memproses maklumat dan menukarkannya kepada data untuk mengawal cahaya.


PERANTI YANG DIGUNAKAN :

1. Papan litar RekaEdukit
2. Meter upaya
3. LED pelbagai warna (Neopixel LED)



TUTORIAL

1. Seretkan blok **After Arduino Uno starts** berserta blok **if. then**.




2. Tambah blok **greater than** ke dalam ruang heksagon di dalam blok **if. then**.




Blok ini digunakan untuk membandingkan nilai sebelah kiri dan nilai sebelah kanan. Jika nilai kiri lebih besar daripada nilai kanan, pernyataan ini dikira benar (true).

3. Kemudian, tambah blok **potential value** ke dalam blok **greater than**.




Tetapkan nilai kepada
500.

4. Seterusnya, seret dan masukkan blok **Neopixel LED** berserta **delay** ke dalam blok **if. then**.



5. Ulang Langkah 4 untuk setiap 8 blok Neopixel LED.



6. Seretkan Neopixel LED off di bawah blok if, then.



7. Ulang Langkah 6 untuk setiap 8 Neopixel LED.

```

After Arduino Uno starts
if Potentiometer value > 500 then
  NeoPixel LED 1 Red: 255 Green: 0 Blue: 0
  wait 0.5 seconds
  NeoPixel LED 2 Red: 255 Green: 165 Blue: 0
  wait 0.5 seconds
  NeoPixel LED 3 Red: 255 Green: 255 Blue: 0
  wait 0.5 seconds
  NeoPixel LED 4 Red: 0 Green: 128 Blue: 0
  wait 0.5 seconds
  NeoPixel LED 5 Red: 0 Green: 0 Blue: 255
  wait 0.5 seconds
  NeoPixel LED 6 Red: 255 Green: 0 Blue: 255
  wait 0.5 seconds
  NeoPixel LED 7 Red: 238 Green: 50 Blue: 50
  wait 0.5 seconds
  NeoPixel LED 8 Red: 64 Green: 224 Blue: 208
  wait 0.5 seconds
  NeoPixel LED 1 Off
  NeoPixel LED 2 Off
  NeoPixel LED 3 Off
  NeoPixel LED 4 Off
  NeoPixel LED 5 Off
  NeoPixel LED 6 Off
  NeoPixel LED 7 Off
  NeoPixel LED 8 Off
  
```

Pilih nombor berdasarkan kedudukan LED.

6: SISTEM PEJALAN KAKI


Kita akan membina sistem pejalan kaki menggunakan Peranti yang disenaraikan di bawah. Di dalam sistem ini, LED satu warna akan menyala warna **MERAH**. Apabila, penderia infrared mengesan sesuatu dan pengguna menekan butang tekan pada waktu yang sama, pembaz akan berbunyi dan LED satu warna akan menyala warna **HIJAU**.

PENGENALAN PEMBAZ

Pembaz (buzzer) merupakan peranti isyarat bunyi yang boleh menukarkan isyarat audio kepada isyarat bunyi.

PERANTI YANG DIGUNAKAN :

1. Papan litar RekaEdukit
2. LED satu warna (GYR LED)
3. Butang tekan
4. Penderia infrared
4. Pembaz



TUTORIAL

1. Seretkan blok *After Arduino Uno starts*.


After Arduino Uno starts

- Masukkan 3 blok **LED** untuk setiap warna LED.



Pilih warna LED mengikut susunan berikut. Kemudian, pilih **ON** untuk **LED MERAH**.

- Seterusnya, seret dan masukkan blok **buzzer off** diikuti blok **if. then** di bawah blok **LED**.




- Masukkan blok **and** ke dalam ruang heksagon di dalam blok **if. then**.



Blok ini digunakan jika ingin kedua-dua pernyataan yang ditetapkan menjadi benar(true).

5. Masukkan blok Infrared sensor detected object dan blok button pressed ke dalam blok if and.




6. Kemudian, masukkan blok LED untuk setiap warna di dalam blok if, then.



7. Seterusnya, masukkan blok **buzzer tone**, **timer start** dan **wait until**.



8. Masukkan blok **timer time** ke dalam blok **equal** kemudian masukkan ke ruang heksagon di dalam blok **wait until**.





7: ALAT MUZIK ALAF BARU

Di dalam projek ini, kita akan membina alat muzik alaf baru. Pembaz akan berbunyi dengan nada yang berbeza apabila meter upaya dipusingkan mencapai nilai yang ditetapkan.

PERANTI YANG DIGUNAKAN :

1. Papan litar RekaEdukit
2. Meter upaya
3. Pembaz




TUTORIAL


1. Seretkan **After Arduino Uno starts** diikuti blok **repeat until**.




2. Tambahkan blok **Equal** ke dalam ruang heksagon di dalam blok **repeat until**.




- Masukkan blok **potentiometer value** ke dalam blok **equal**.




- Seterusnya, masukkan blok **if. then. else** ke dalam blok **repeat until**.




- Masukkan blok **and** ke dalam ruang heksagon di dalam blok **if. then**.




6. Masukkan blok **greater than** dan **less than** ke dalam blok **and**.



7. Kemudian, masukkan blok **potentiometer value** ke dalam ke dua-dua blok **greater than** dan **less than**.



8. Seret dan masukkan blok **buzzer tone** ke dalam blok **if, then**.




9. Ulang Langkah 4 hingga Langkah 8 dengan nilai meter upaya dan nilai nada pembaz yang berlainan. masukkan ke dalam blok setiap blok else.



10. Masukkan blok **buzzer tone** ke dalam blok **else** terakhir.



11. Seret dan masukkan blok **buzzer off** ke dalam blok **repeat until**.



8: SISTEM LED PELBAGAI WARNA


Kita akan membina projek yang boleh menyalakan LED pelbagai warna (neopixel LED) menggunakan bunyi.

PENGENALAN PENDERIA BUNYI (SOUND SENSOR)

Penderia bunyi (sound sensor) menukarkan getaran kepada isyarat audio dengan bantuan mikrofon. Ia bertindak sama seperti telinga manusia apabila bunyi dikesan. Kekuatan bunyi yang dikesan boleh dilaras


PERANTI YANG DIGUNAKAN :

1. Penderia bunyi
2. LED pelbagai warna (Neopixel LED)




TUTORIAL

1. Seretkan **After Arduino Uno starts** berserta blok **forever** dan blok **if. then. else.**




Blok ini akan memeriksa pernyataan di dalam 'if' dan akan melaksanakan blok kenyataan jika pernyataannya adalah benar (true). Namun jika pernyataannya tidak benar (false) maka blok ini akan melaksanakan blok 'else'.


- Masukkan blok **sound sensor detect sound** ke dalam ruang heksagon di dalam blok **if**.
then.



- Tambahkan blok **Neopixel LED** untuk setkan 8 warna ke semua Neopixel LED di bawah blok **if**. **then**.



4. Seterusnya, tambahkan blok **Neopixel LED off** untuk matikan ke semua Neopixel LED.




Pilih nombor berdasarkan kedudukan LED.

9: SISTEM SEKURITI

Pernah tahu bagaimana sistem sekuriti dibina? Mari kita lihat projek di bawah. Di dalam sistem ini, jika penderia infrared atau penderia bunyi mengesan sesuatu bunyi ataupun objek, pembaz akan berbunyi dan LED pelbagai warna akan menyala satu persatu untuk memberi amaran bahawa terdapat ancaman bahaya. Untuk menghentikan pembaz dan LED pelbagai warna, kita perlu menekan kedua-dua butang tekan dalam waktu yang sama.


PERANTI YANG DIGUNAKAN :

1. Papan litar RekaEdukit
2. Butang tekan 
3. Penderia infrared 
4. Penderia bunyi 
5. LED pelbagai warna (Neopixel LED) 
6. Pembaz 




TUTORIAL


1. Seretkan *After Arduino Uno starts* berserta blok *if. then* dan blok *repeat until*.




2. Masukkan blok *or* ke dalam ruang heksagon di dalam blok *if. then*.




3. Kemudian, masukkan blok *Infrared sensor detected object* dan blok *sound sensor detected sound* ke dalam *or* blok.




4. Tambahkan blok **and** ke dalam ruang heksagon di dalam blok **repeat until**.




5. Seterusnya, tambahkan blok **button 1 pressed** dan **button 2 pressed** ke dalam blok **and**.



6. Tambahkan blok **buzzer tone** di bawah blok **repeat until**.




7. Tambahkan blok Neopixel LED diikuti oleh blok delay dan blok Neopixel LED off.



STEM in me

8. Ulang Langkah 7 untuk setiap 8 Neopixel LED.




9. Kemudian, masukkan blok **buzzer off** dan blok **Neopixel LED off** di dalam blok **if, then**.



10. Tambahkan blok **Neopixel LED off** untuk setiap 8 neopixel LED.





10: SISTEM BILIK DARJAH

Jom bina sistem bilik darjah di dalam kelas! Sistem kelas bermula apabila para pelajar memasuki kelas. Penderia infrared akan menyalakan LED satu warna (GYR LED) berwarna hijau. Jika pelajar tidak hadir sekolah, kita perlu menekan butang 2 untuk menyalakan lampu kuning pada GYR LED. Apabila penderia bunyi mengesan bunyi pelajar yang riuh di dalam kelas, pembaz akan berbunyi menandakan pelajar perlu senyap. Untuk menghentikan bunyi pembaz, kita perlu menekan butang tekan 1. Seterusnya, kita boleh menyalakan lampu di kelas mengikut kecerahan yang kita kehendaki menggunakan LED pelbagai warna (Neopixel LED) dan meter upaya sebagai suis boleh laras.

PERANTI YANG DIGUNAKAN :

1. Papan litar RekaEdukit

2. Butang tekan 

3. Penderia bunyi 


4. Penderia infrared 

5. Meter upaya 

6. LED satu warna (GYR LED) 


7. LED pelbagai warna (Neopixel LED) 

8. Pembaz 




TUTORIAL



1. Seretkan **After Arduino Uno starts** berserta blok **if. then** dan blok **if. then. else**.





2. Masukkan **Sound Sensor detected sound** ke dalam ruang heksagon di dalam blok **if. then**.




3. Masukkan blok **Buzzer tone** ke dalam blok **if. then**.




4. Kemudian, masukkan blok **not** ke dalam ruang heksagon di dalam blok **if. then** serta masukkan blok **Infrared Sensor detected object** ke dalam blok **not**.



5. Masukkan blok **LED** untuk setiap warna Hijau, Kuning dan Merah serta blok **if**, **then** ke dalam blok **if**, **then**.




6. Masukkan blok **Button pressed** ke dalam ruang heksagon di dalam blok **if. then**.




7. Tambahkan blok LED untuk setiap warna Hijau, Kuning dan Merah serta blok delay ke dalam blok if. then.




8. Masukkan blok LED untuk setiap warna Hijau, Kuning dan Merah ke dalam blok else.




9. Masukkan blok **less than** ke dalam ruang heksagon di dalam blok **if. then** serta masukkan blok **potentiometer value** ke dalam blok **less than**.




10. Masukkan 8 blok **Neopixel LED off** ke dalam blok **if. then**.




11. Masukkan blok **and** ke dalam ruang heksagon di dalam blok **if. then**.




12. Masukkan blok **greater than** dan **less than** ke dalam blok **and** serta masukkan blok **potentiometer value** ke dalam blok **greater than** dan **less than**.



13. Kemudian, masukkan 8 blok **NeoPixel LED** ke dalam blok **if, then**.



14. Ulang langkah ini sehingga blok else.




The script is a Scratch code block for controlling 8 NeoPixel LEDs based on a potentiometer's value. It starts with a 'when green flag clicked' event. The main logic is an 'if-then-else' statement. The 'if' condition is 'Potentiometer value > 800 and Potentiometer value < 1000'. If true, it sets all 8 NeoPixel LEDs to Red: 60, Green: 60, and Blue: 60. If false, it sets all 8 NeoPixel LEDs to Red: 100, Green: 100, and Blue: 100. The script ends with a 'stop all sounds' block.

```

when green flag clicked
if Potentiometer value > 800 and Potentiometer value < 1000 then
  NeoPixel LED 1 Red: 60 Green: 60 Blue: 60
  NeoPixel LED 2 Red: 60 Green: 60 Blue: 60
  NeoPixel LED 3 Red: 60 Green: 60 Blue: 60
  NeoPixel LED 4 Red: 60 Green: 60 Blue: 60
  NeoPixel LED 5 Red: 60 Green: 60 Blue: 60
  NeoPixel LED 6 Red: 60 Green: 60 Blue: 60
  NeoPixel LED 7 Red: 60 Green: 60 Blue: 60
  NeoPixel LED 8 Red: 60 Green: 60 Blue: 60
else
  NeoPixel LED 1 Red: 100 Green: 100 Blue: 100
  NeoPixel LED 2 Red: 100 Green: 100 Blue: 100
  NeoPixel LED 3 Red: 100 Green: 100 Blue: 100
  NeoPixel LED 4 Red: 100 Green: 100 Blue: 100
  NeoPixel LED 5 Red: 100 Green: 100 Blue: 100
  NeoPixel LED 6 Red: 100 Green: 100 Blue: 100
  NeoPixel LED 7 Red: 100 Green: 100 Blue: 100
  NeoPixel LED 8 Red: 100 Green: 100 Blue: 100
stop all sounds
  
```


15. Masukkan blok **button 1 pressed** ke dalam ruang heksagon di dalam blok **if**.
then. Kemudian, masukkan blok **Buzzer Off** ke dalam blok **if**. **then**.



```

when green flag clicked
  NeoPixel LED 4 ▾ Red: 60 Green: 60 Blue: 60
  NeoPixel LED 5 ▾ Red: 60 Green: 60 Blue: 60
  NeoPixel LED 6 ▾ Red: 60 Green: 60 Blue: 60
  NeoPixel LED 7 ▾ Red: 60 Green: 60 Blue: 60
  NeoPixel LED 8 ▾ Red: 60 Green: 60 Blue: 60

  if Potentiometer value > 800 and Potentiometer value < 1000 then
    NeoPixel LED 1 ▾ Red: 80 Green: 80 Blue: 80
    NeoPixel LED 2 ▾ Red: 80 Green: 80 Blue: 80
    NeoPixel LED 3 ▾ Red: 80 Green: 80 Blue: 80
    NeoPixel LED 4 ▾ Red: 80 Green: 80 Blue: 80
    NeoPixel LED 5 ▾ Red: 80 Green: 80 Blue: 80
    NeoPixel LED 6 ▾ Red: 80 Green: 80 Blue: 80
    NeoPixel LED 7 ▾ Red: 80 Green: 80 Blue: 80
    NeoPixel LED 8 ▾ Red: 80 Green: 80 Blue: 80
  else
    NeoPixel LED 1 ▾ Red: 100 Green: 100 Blue: 100
    NeoPixel LED 2 ▾ Red: 100 Green: 100 Blue: 100
    NeoPixel LED 3 ▾ Red: 100 Green: 100 Blue: 100
    NeoPixel LED 4 ▾ Red: 100 Green: 100 Blue: 100
    NeoPixel LED 5 ▾ Red: 100 Green: 100 Blue: 100
    NeoPixel LED 6 ▾ Red: 100 Green: 100 Blue: 100
    NeoPixel LED 7 ▾ Red: 100 Green: 100 Blue: 100
    NeoPixel LED 8 ▾ Red: 100 Green: 100 Blue: 100

  if Button 1 ▾ pressed then
    Buzzer Off
  
```

11: SISTEM PENGHALAU BURUNG


Sistem penghalau burung berfungsi apabila terdapat sebarang bunyi. Dalam sistem ini, jika penerima bunyi mengesan sebarang bunyi dan meter upaya dihidupkan kepada nilai yang ditetapkan. Pembaz akan mengeluarkan bunyi dengan nada yang berbeza sambil menggerakkan servo dari 0 hingga 180 darjah. Walau bagaimanapun, pembaz akan berhenti dan servo akan kembali ke 0 darjah jika tiada bunyi atau jika nilai meter upaya ditetapkan kepada 0.

PENGENALAN SERVO

Servo berfungsi menukar isyarat keluar dari mikropengawal kepada mekanikal dengan menukar posisi mengikut posisi sudut yang ditetapkan.

PERANTI YANG DIGUNAKAN :

1. Penderia Bunyi
2. Meter Upaya
3. Servo
4. Pembaz



TUTORIAL


1. Seretkan **After Arduino Uno starts** berserta blok **repeat until** dan blok **if. then. else.**




2. Masukkan blok **not** ke dalam ruang heksagon blok **repeat until**.




3. Kemudian, masukkan blok **sound sensor detected sound** kedalam blok **not**




4. Tambahkan blok **buzzer off** berserta blok **servo** dibawah blok **repeat until**.




5. Masukkan blok **and** kedalam ruang heksagon blok **if, then, else**.




6. Masukkan blok **greater than** dan **less than** ke dalam blok **and** dan masukkan blok **potentiometer value** ke dalam **greater than** dan **less than**.




7. Tambahkan blok **buzzer tone** dibawah blok **if. then**.




8. Tambah blok **servo** berserta blok **delay** dan blok **servo** lagi dan **delay**.




9. Tambahkan blok **if, then, else** dibawah blok **else**.




10. Masukkan blok **and** ke dalam ruang heksagon blok **if, then**.




11. Masukkan blok **greater than** dan **less than** ke dalam **and** dan masukkan blok **potentiometer value** ke dalam **greater than** dan **less than**.




12. Tambahkan blok **buzzer tone** dibawah blok **if. then**.




13. Tambah blok **servo** beserta blok **delay** dan blok **servo** lagi dan **delay**.



14. Tambahkan blok **if, then** dibawah blok **else**.




15. Masukkan blok **and** ke dalam ruang heksagon blok **if. then**.



16. Masukkan blok **greater than** dan **less than** ke dalam blok **and** dan masukkan blok **potentiometer value** ke dalam **greater than** dan **less than**.



17. Tambahkan blok **buzzer tone** dibawah blok **if. then**.



18. Tambah blok **servo** berserta blok **delay** dan blok **servo** lagi dan **delay**.



12: SISTEM KESELAMATAN KERETA

Projek kali ini untuk mengaplikasikan penggunaan interaksi dengan peranti lain secara wayarles menggunakan Bluetooth. Lampu kereta (neopixel LED) dan hon (pembaz) dikawal menggunakan aplikasi di telefon pintar ketika kereta tidak bergerak. Ini akan memudahkan pengguna untuk membuka dan menutup lampu serta membunyikan hon tanpa perlu ke kereta. Pengguna boleh mengawal lampu dalam 2 keadaan iaitu lampu rendah (Neopixel LED 1 dan 4) dan lampu tinggi (Neopixel LED 2 dan 3). Lampu rendah dikawal menggunakan potentiometer di dalam aplikasi telefon pintar manakala lampu tinggi dikawal melalui butang tekan. Hon pula dibunyikan menggunakan butang buzzer di dalam aplikasi. Bunyi hon boleh diubah mengikut nada yang diinginkan.

Pengenalan Modul Bluetooth

Modul Bluetooth membolehkan komunikasi tanpa wayar antara peranti. Ia membenarkan pemindahan data pada jarak yang dekat, menghapuskan keperluan untuk kabel fizikal dan lebih fleksibiliti dalam sambungan peranti. Antara jenis modul Bluetooth yang digunakan adalah HC-05 dan AT-09.

Pengenalan Aplikasi Reka Edukit dan Reka Edukit BLE



Figure 2: Aplikasi Reka Edukit



Figure 1: Aplikasi Reka Edukit BLE

Aplikasi Reka Edukit dan Reka Edukit BLE merupakan satu perisian yang boleh digunakan untuk mengawal Reka Edukit secara wayarles dengan menggunakan sambungan Bluetooth. Antara muka dan cara penggunaan untuk kedua – dua aplikasi adalah sama kecuali jenis modul yang sesuai dan boleh disambungkan ke aplikasi.

Aplikasi Reka Edukit hanya boleh disambungkan ke modul Bluetooth HC-05 manakala Reka Edukit BLE hanya boleh disambungkan ke modul Bluetooth AT-09.

PERANTI YANG DIGUNAKAN:



1. Modul Bluetooth



2. Pembaz




3. Neopixel LED




CARA PENYAMBUNGAN MODUL BLUETOOTH DENGAN APLIKASI REKA EDUKIT™

Langkah 1




Tekan dan hidupkan menu Bluetooth.

Langkah 2



Tekan pada More Settings.


Langkah 3




Kemudian cari nama modul Bluetooth pada Available Devices dan tekan pada nama tersebut.

Kemudian masukkan kata laluan '1234'. Untuk setiap modul Bluetooth, kata laluan adalah sama. Kemudian tekan pada butang Pair.

Langkah 4




Langkah 5




Buka aplikasi Reka Edukit dan pilih nama modul Bluetooth tadi. Modul Bluetooth telahpun Berjaya disambungkan ke aplikasi Reka Edukit.

Modul Bluetooth telah disambungkan pada telefon pintar.

Langkah 6



PENGENALAN KAITAN BLOK PENGKODAN DAN APLIKASI REKA EDUKIT






Blok pengkodean mBlok	Fungsi di Aplikasi Reka Edukit
Bluetooth Data Control Data [1]	Butang Tekan 1 ditekan
Bluetooth Data Control Data [2]	Butang Tekan 2 ditekan
Bluetooth Data Control Data [0]	Butang Tekan 1 atau 2 dilepaskan
Bluetooth Output Control [Buzzer] [ON]	Butang buzzer "send" ditekan
Bluetooth Output Control [Buzzer] [OFF]	Butang buzzer "send" dilepaskan
Bluetooth Output Control [NeoPixel LED #] [ON]	NeoPixel LED [#] On
Bluetooth Output Control [Neopixel LED #] [OFF]	NeoPixel LED [#] Off
Bluetooth Output Control [LED Red] [ON]	LED Merah On
Bluetooth Output Control [LED Red] [OFF]	LED Merah Off
Bluetooth Output Control [LED Yellow] [ON]	LED Kuning On
Bluetooth Output Control [LED Yellow] [OFF]	LED Kuning Off
Bluetooth Output Control [LED Green] [ON]	LED Hijau On
Bluetooth Output Control [LED Green] [OFF]	LED Hijau Off
Bluetooth Output Value [Potentiometer]	Nilai potensiometer ditetapkan
Bluetooth Output Value [Buzzer]	Nilai frekuensi pembaz ditetapkan
Bluetooth Output Value [LED Red]	Nilai kecerahan LED ditetapkan
Bluetooth Output Value [Servo 1]	Nilai kedudukan Servo 1
Bluetooth Output Value [Servo 2]	Nilai kedudukan Servo 2
Bluetooth Output Value [Servo 3]	Nilai kedudukan Servo 3


TUTORIAL

1. Seretkan *When Arduino Uno starts* serta blok *Bluetooth Module Setup*.




Untuk menetapkan sambungan modul Bluetooth.

2. Seterusnya, seretkan blok *After Arduino Uno starts* dan blok *If then*. Masukkan blok *Bluetooth Data Check* ke dalam ruang heksagon di dalam blok *if then*.




Berfungsi untuk menerima data daripada kontroler (aplikasi telefon).


3. Seretkan blok *if: then else* dan masukkan blok *Bluetooth Output control* ke dalam ruang heksagon. Pastikan pilihan adalah "buzzer" dan "on". Kemudian masukkan blok *Buzzer tone* ke dalam blok *if then else*. Tetapkan nilai kepada 100. Masukkan blok *tadi* ke dalam blok *if then*.



4. Seretkan blok *if then else* dan masukkan blok *Bluetooth Output Control* ke dalam ruang heksagon. Tetapkan pilihan kepada "buzzer" dan "off". Seretkan blok *Buzzer off* ke dalam blok *if: then else*. Masukkan blok *tadi* ke dalam ruangan *else*.




5. Tekan pada menu *Variables* dan *make a variable* untuk membuat pembolehubah. Kemudian blok untuk pembolehubah akan muncul seperti yang ditunjukkan.




Tahukah anda?

Pembolehubah digunakan untuk menyimpan maklumat untuk dirujuk dan dimanipulasi dalam atur cara komputer. Mereka juga menyediakan cara untuk melabelkan data dengan nama deskriptif supaya program dapat difahami dengan lebih jelas.


6. Seretkan blok *Bluetooth Output Value* dan masukkan blok tersebut ke dalam blok * (multiply). Kemudian masukkan blok tersebut dalam blok *set sound to*. Masukkan blok tersebut ke dalam ruangan blok *else*.




7. Seretkan blok *Bluetooth Data Control Data* dan masukkan ke dalam blok *if: then else*. Tetapkan kepada 1. Kemudian masukkan 2 blok *NeoPixel LED* ke dalam blok *if then else*. Tetapkan NeoPixel LED kepada 2 dan 3.




8. Seretkan blok *Bluetooth Data Control Data* dan masukkan ke dalam blok *if: then else*. Tetapkan kepada 0. Kemudian masukkan 2 blok *NeoPixel LED off* ke dalam blok *if then else*. Tetapkan kepada 2 dan 3. Masukkan blok tersebut ke dalam ruangan blok *else*.




9. Tekan pada menu *Variables* dan *make a variable* untuk membuat pembolehubah. Kemudian blok untuk pembolehubah akan muncul seperti yang ditunjukkan.




10. Seretkan blok *Bluetooth Output Value* dan masukkan blok tersebut ke dalam blok / (divide). Letak pilihan sebagai Potentiometer dan nilai / kepada 4. Kemudian masukkan blok tersebut dalam blok *set power to*. Masukkan blok tersebut ke dalam ruangan blok *else*.




11. Kemudian seretkan 2 blok *NeoPixel LED* dan letakkan dibawah blok *set power to* dalam bahagian *else*. Tetapkan *NeoPixel LED* kepada 1 dan 4. Seretkan blok *power* dari *variables* dan masukkan ke dalam setiap ruang *red, green dan blue* untuk kedua – dua blok.



12. Seretkan blok *set sound to* ke atas blok *set power to*. Kemudian masukkan semua blok tadi ke dalam ruangan *else* dan menggantikan kedudukan *set sound to*.



13. Ini merupakan keseluruhan blok pengkodan untuk projek ini.




13: PEMANTAU PENDERIA TANPA WAYAR


Projek inovatif ini menggunakan Reka Edukit untuk mencipta sistem pemantauan penderia yang komprehensif, mengintegrasikan dua butang tekan, sensor bunyi, dan penderia inframerah (IR). Dilengkapi dengan modul Bluetooth HC-05, sistem ini membolehkan komunikasi tanpa wayar dengan telefon bimbit menggunakan aplikasi RekaEdukit. Pengguna boleh memantau status semua sensor yang disambungkan dan melihat data semasa serta aktiviti sensor melalui aplikasi tersebut. Selain itu, tab "Variable" dalam aplikasi memaparkan jumlah masa setiap sensor mengesan input, menyediakan maklumat yang berguna. Projek ini menawarkan platform yang intuitif dan mesra pengguna untuk mengurus dan berinteraksi dengan pelbagai sensor melalui teknologi mudah alih.

PERANTI YANG DIGUNAKAN

1. Papan litar Reka Edukit
2. Penderia Inframerah
3. Penderia Bunyi
4. Butang Tekan
5. Modul Bluetooth



Jadual di bawah adalah penyambungan modul Bluetooth ke papan litar Reka Edukit menggunakan jumper wire.




Pin Modul Bluetooth	Pin "IO Header" papan Reka Edukit
RXD	5
TXD	4
GND	GND
VCC	VCC

MENGAPA SAMBUNGAN INI DIGUNAKAN?

Dalam RekaEdukit versi 1.1. tiada port khusus yang ditetapkan untuk sambungan Bluetooth. Ini bermakna, tidak ada port tertentu yang direka khas untuk tujuan ini. Manakala, dalam Reka Edukit versi 1.2 port yang biasa digunakan untuk sambungan Bluetooth, iaitu port 11 dan 12, juga digunakan untuk RGY LED. Oleh itu, port 11 dan 12 tidak dapat digunakan untuk sambungan Bluetooth jika RGY LED digunakan.

Pengguna boleh memilih mana-mana port RXD (Receiver) dan TXD (Transmitter) yang lain untuk sambungan Bluetooth. Port RXD dan TXD ini adalah port yang digunakan untuk komunikasi serial. Namun, adalah sangat penting untuk memastikan bahawa port RXD dan TXD yang dipilih tidak bertindih dengan mana-mana input atau output lain yang sedang digunakan dalam projek. Jika port yang dipilih untuk Bluetooth sudah digunakan untuk fungsi lain, ia akan menyebabkan konflik dan gangguan dalam fungsi Reka Edukit. Pastikan juga port yang dipilih digunakan di dalam coding Bluetooth Module Setup.

CARA PENYAMBUNGAN MODUL BLUETOOTH DENGAN APLIKASI REKA EDUKIT



Langkah 1

Langkah 2

Langkah 3


Langkah 4

Tekan dan hidupkan menu Bluetooth.

Kemudian cari nama modul Bluetooth pada Available Devices dan tekan pada nama tersebut.

Kemudian masukkan kata laluan '1234'. Untuk setiap modul Bluetooth, kata laluan adalah sama. Kemudian tekan pada butang Pair.

PENGENALAN KAITAN BLOK PENGKODAN DAN APLIKASI REKA EDUKIT




Pilihan Sensing merupakan antara muka yang membenarkan pengguna boleh memantau status sesuatu secara langsung (masa nyata) dan mencatat tempoh masa setiap kali sensor itu dihidupkan atau diaktifkan.





Tekan pada 3 titik pada bahagian kanan atas dan pilih pilihan






Graf menunjukkan perubahan yang berlaku apabila penderia infrared mengesan objek. Graf menunjukkan nilai 0 jika tidak mengesan objek dan nilai 1 jika mengesan objek.


Penunjuk akan berwarna hijau jika penderia infrared tidak mengesan objek dan berwarna merah jika mengesan objek.



Graf menunjukkan perubahan yang berlaku apabila penderia bunyi mengesan bunyi. Graf menunjukkan nilai 0 jika tidak mengesan bunyi dan nilai 1 jika mengesan bunyi.



Penunjuk akan berwarna hijau jika penderia bunyi tidak mengesan objek dan berwarna merah jika mengesan objek.






Graf menunjukkan perubahan yang berlaku apabila butang tekan 1 ditekan. Graf menunjukkan nilai 0 jika tidak ditekan dan nilai 1 jika ditekan.

Penunjuk akan berwarna hijau jika butang tekan 1 tidak ditekan dan berwarna merah jika ditekan.



Graf menunjukkan perubahan yang berlaku apabila butang tekan 2 ditekan. Graf menunjukkan nilai 0 jika tidak ditekan dan nilai 1 jika ditekan.

Penunjuk akan berwarna hijau jika butang tekan 2 tidak ditekan dan berwarna merah jika ditekan.



← Variable Page

V1: 0	V2: 0
V3: 0	V4: 0
V5: 0	V6: 0
V7: 0	V8: 0
V9: 0	V10: 0


Ini menunjukkan berapa lama (saat) penderita dicetuskan.

← Variable Page



V1: 1	V2: 3
V3: 2	V4: 4
V5: 0	V6: 0
V7: 0	V8: 0
V9: 0	V10: 0

TUTORIAL

1. Seretkan blok *When Arduino Uno starts* dan blok *Bluetooth Module Setup*. Tetapkan *Rx* kepada 4 dan *Tx* kepada 5.





2. Seretkan blok *After Arduino Uno starts* dan 4 *Bluetooth Sensor Status*. Tetapkan kepada *Button 1*, *Button 2*, *Sound In* dan *Infrared*.




Blok ini berfungsi untuk menghantar data atau status pot penderia kepada kontroler (aplikasi telefon). Aplikasi RekaEdukit akan menunjukkan data dalam bentuk graf dan penunjuk.


3. Seretkan blok *If then* dan sambungkan. Kemudian seret dan masukkan blok *Button 1 pressed* ke dalam ruang heksagon dalam blok *if then*.




4. Tekan pada menu *Variables* dan *make a variable* untuk membuat pembolehubah. Kemudian blok untuk pembolehubah akan muncul seperti yang ditunjukkan.




5. Sertakan blok *change Button 1 by 1* dan masukkan kedalam blok *if then*.




6. Tekan pada menu *Variables* dan *make a variable* untuk membuat pembolehubah. Kemudian blok untuk pembolehubah akan muncul seperti yang ditunjukkan.




7. Duplicate blok *if then* dan sambungkan ke bawah blok *if then* yang pertama. Tukarkan kepada *Button 2*.




8. Tekan pada menu *Variables* dan *make a variable* untuk membuat pembolehubah. Kemudian blok untuk pembolehubah akan muncul seperti yang ditunjukkan.




9. Seretkan blok *Sound Sensor detected sound* dan masukkan kedalam blok *not*. Kemudian masukkan kesemua blok ke dalam ruang heksagon dalam blok *if then*. Seretkan blok *change Button 1 by 1* dan tukarkan *Button 1* ke *Sound*.



10. Tekan pada menu *Variables* dan *make a variable* untuk membuat pembolehubah. Kemudian blok untuk pembolehubah akan muncul seperti yang ditunjukkan.




11. Seretkan blok *Infrared Sensor detected object* dan masukkan ke dalam ruang heksagon dalam blok *If then*. Kemudian seret dan masukkan blok *change Button 1 by 1*. Tukarkan *Button 1* kepada *Object*.



Blok ini digunakan sebagai pembilang (counter) untuk setiap penerima.

12. Seretkan 4 blok *Bluetooth Variable Data* dan tetapkan kepada *Variable1*, *Variable2*, *Variable3* dan *variable4*. Kemudian masukkan blok *Button 1*, *Button 2*, *Sound* dan *Object* dari menu *Variables* ke dalam setiap blok *Bluetooth Variable Data*. Yang terakhir, seretkan blok *wait 1 seconds*.




Blok ini berfungsi untuk menghantar nilai pembolehubah sebagai nilai Variable1, Variable2, Variable3 dan Variable4, kepada kontroler (aplikasi telefon) variable page.

14: PENGAWAL LAMPU

Dalam projek ini, kita akan mengawal cahaya lampu menggunakan teknologi Internet of Things (IoT). Kita akan menggunakan sebuah modul WiFi sebagai perantara antara papan litar RekaEdukit dan aplikasi Blynk. Apabila pengguna memusingkan meter upaya, kecerahan cahaya akan berubah. Melalui perisian Blynk, kita akan dapat memantau nilai kecerahan cahaya tersebut. Selain itu, kita juga dapat mengendalikan fungsi hidup dan mati lampu melalui perisian yang sama.

PERANTI YANG DIGUNAKAN :

1. Papan litar RekaEdukit
2. Wifi Modul
3. Meter upaya



PENGENALAN APLIKASI BLYNK :

Blynk adalah platform yang membolehkan pembangun membuat aplikasi Internet of Things (IoT) untuk mengendalikan perkakasan dari jauh menggunakan telefon pintar atau tablet. Ia menyediakan antara muka pengguna yang mudah digunakan untuk mengawal dan memantau pelbagai peranti IoT dan sensor. Blynk menyokong pelbagai papan mikropengawal seperti Arduino, Raspberry Pi, ESP8266, dan lain-lain, menjadikannya alat serba boleh untuk prototaip dan pembangunan IoT. Dengan Blynk, pengguna dapat membuat projek otomasi rumah, peralatan pintar, pemantauan alam sekitar, dan lain-lain, tanpa perlu pengaturcaraan yang rumit.




PENGENALAN WIFI MODUL :

Sebuah WiFi Module adalah komponen perkakasan yang membolehkan peranti untuk menyambung kepada rangkaian kawasan tempatan tanpa wayar (WLAN) menggunakan piawai WiFi. Biasanya, ia terdiri daripada litar terpadu kecil dengan fungsi WiFi serta komponen-komponen berkaitan seperti antenna, penyambung, dan kuasa pemprosesan tambahan atau memori.

TUTORIAL PENYAMBUNGAN REKA EDUKIT DAN WIFI MODUL :

Jadual di bawah adalah penyambungan jumper wire dari papan litar Reka Edukit kepada komponen WiFi Module.



TUTORIAL DAFTAR BLYNK

1. Layari laman sesawang Blynk dengan menggunakan pautan atau link yang disediakan.

Link : <https://blynk.io/>


@



2. Klik "Log Masuk" atau "Log In" yang terletak di halaman muka atau antara muka laman sesawang tersebut.. Jika belum mempunyai akaun untuk laman sesawang ini, sila klik atau menekan butang yang bertuliskan "Create New Account" atau "Buat Akaun Baru".

Klik Create new account untuk ke ruangan Sign Up

3. Isi alamat e-mail dan klik Sign Up.



B

Sign Up

Welcome! Fill in your email address and we will send an account activation link.


EMAIL

☒ I agree to [Terms and Conditions](#) and [accept Privacy Policy](#)

Sign Up

[Back to Login](#)

4. Untuk mula menggunakan akaun, sila sahkan alamat e-mail dengan membuka e-mail yang dihantar dan menekan pautan pengesahan yang disediakan.



Confirm Your Email Now


Check your inbox for an email from Blynk
 Click on the link there to confirm your email.

Don't see the email?

Search SPAM folder for an email from Blynk
 Also add it to your address book.

TUTORIAL MEMULAKAN PROJEK BARU:


1. Setelah berjaya Log In ke dalam Blynk, langkah seterusnya adalah untuk navigasi ke ruangan atau bahagian yang dikenali sebagai [Blynk.Console](#). Kemudian klik [Devices](#).



2. Pada ruangan ini, klik [+ New Devices](#).



3. Seterusnya, klik **From template**



New Device


Choose a way to create new device

From template Scan QR code Manual entry

Point on the cards to see instructions

Cancel

